



KP(BS) 8591/Jld.XVIII (17)

3 Disember 2002

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 17/2002 :
PELAKSANAAN PENILAIAN PERKARA ASAS FARDHU AIN (PAFA) DI
SEKOLAH KEBANGSAAN DAN SEKOLAH MENENGAH

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Penilaian PAFA yang sedang dilaksanakan di sekolah mengikut **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1994 : Penilaian Perkara Asas Fardhu 'Ain (PAFA) Dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** bertarikh 12 Mac 1994 telah disemak semula. Penilaian PAFA Semakan ini akan dilaksanakan serentak dengan **Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR/KBSM Semakan** bermula sesi Persekolahan 2003.

2. Bagi menyelaraskan pelaksanaan dan menentukan keberkesanan penilaian tersebut, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan tiga buah buku panduan berikut:

- 2.1 Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) UPSR;
- 2.2 Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) UPSR/PMR/SPM; dan
- 2.3 Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) PANDUAN GURU.

3. Setiap murid Islam dan Guru Pendidikan Islam harus memiliki buku berkaitan. Sekiranya murid berpindah ke sekolah lain mereka hendaklah membawa bersama buku tersebut dan menyerahkan kepada guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dikelasnya. Murid dan guru boleh membeli buku tersebut di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau cawangan-cawangannya. Setiap sekolah hendaklah memiliki sekurang-kurangnya satu set buku-buku tersebut sebagai rujukan.


4. Soalan yang akan ditanya semasa penilaian PAFA adalah tidak rahsia. Semua murid mesti lulus 100% kod-kod yang telah ditetapkan. Guru boleh menilai keupayaan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan pada bila-bila masa setelah murid bersedia. Guru bertanggungjawab membimbing secara berterusan dan memastikan mereka menguasai setiap kod yang ditentukan.

5. Surat Pekeliling Ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama dengan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1994 : Penilaian Perkara Asas Fardhu 'Ain (PAFA) Dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** bertarikh 12 Mac 1994.

6. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia